



15 November 2017
15 November 2017
P.U. (A) 351

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSI (FI) 1969

INSOLVENCY (FEES) RULES 1969

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA INSOLVENSI 1967

[AKTA 360]

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSI (FI) 1969

(Dibuat di bawah seksyen 124)

(Disemak—2017)

*Disemak oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang di bawah
seksyen 13 Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 [Akta 1]*

Disemak sehingga ... 1 November 2017

Tarikh yang ditetapkan untuk mula
berkuat kuasanya edisi semakan ini ... 15 November 2017

Tarikh penyiaran dalam *Warta*
bagi edisi semakan ini ... 15 November 2017

Dibuat pada 12 Mac 1969 sebagai P.U. (A) 201 tahun 1969

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (FI) 1969

SUSUNAN KAEDAH

Kaedah

1. Nama
2. Fi dan peratusan
3. Orang yang hendaklah menerima fi dan peratusan
4. Fi atau peratusan berlebihan
5. Kecualian fi

JADUAL

AKTA INSOLVENSII 1967

KAEDAH-KAEDAH INSOLVENSII (FI) 1969

[27 Jun 1969]

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 124 Akta Insolvensi 1967 [Akta 360], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Insolvensi (Fi) 1969**.

Fi dan peratusan

2. Fi dan peratusan yang akan dikenakan bagi dan berkenaan dengan prosiding kebangkrutan hendaklah seperti yang dinyatakan dalam Susunan A, B dan C dalam Jadual dan tiada apa-apa fi dan peratusan lain boleh dikenakan.

Orang yang hendaklah menerima fi dan peratusan

3. Fi yang dinyatakan dalam Susunan A dalam Jadual hendaklah diterima oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi dan fi dan peratusan yang dinyatakan dalam Susunan B dan C dalam Jadual hendaklah diterima oleh Ketua Pengarah Insolvensi mengikut, dan tertakluk kepada, arahan yang terkandung dalam Susunan itu masing-masing.

Fi atau peratusan berlebihan

4. Jika, dalam mana-mana hal tertentu, Menteri Kewangan berpuas hati atas permohonan Ketua Pengarah Insolvensi bahawa fi atau peratusan yang dinyatakan dalam Susunan C dalam Jadual adalah berlebihan, dia boleh mengurangkan fi atau peratusan tersebut sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kecualian fi

5. Tiada apa-apa fi kena dibayar bagi—
 - (a) pengambilan afidavit penyampaian oleh penghantar saman atau mana-mana pegawai lain mahkamah;

(b) penandaan sesuatu ekshibit bagi mana-mana afidavit itu; dan

(c) pemfailan afidavit itu.

JADUAL
SUSUNAN A

<i>No.</i>	<i>Butiran</i>	<i>Fi (RM)</i>
1.	Pengisytiharan oleh penghutang mengenai ketidakupayaan untuk membayar hutang	10
2.	Notis kebangkrapan	40
3.	Petisyen kebangkrapan oleh—	
	(a) seorang penghutang	20
	(b) seorang pemiutang	150
4.	Perintah kebangkrapan	40
5.	Pemfailan pernyataan hal ehwal	10
6.	Perintah bagi pentadbiran ringkas di bawah seksyen 106	10
7.	Perintah bagi pelanjutan masa untuk mengadakan mesyuarat pertama pemiutang	10
8.	Permohonan oleh Ketua Pengarah Insolvensi bagi suatu perintah menetapkan suatu persidangan bagi pemeriksaan awam bankrap	4
9.	Perintah menetapkan persidangan bagi pemeriksaan awam	10
10.	Pendengaran pemeriksaan awam dalam suatu kes ringkasan atau apa-apa kes lain	10